

28 JUL 1997

Abdullah-Mata Wang

RAKAN DIALOG ASEAN SYOR TINDAKAN TERHADAP "PENYANGAK"

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Menteri Luar rakan-rakan dialog Asean mengesyorkan supaya "tindakan" diambil terhadap mana-mana pihak yang bertanggungjawab terhadap kejatuhan nilai mata wang beberapa negara Asean.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hari ini mereka mahu tindakan diambil jika terdapat bukti bahawa pihak berkenaan bertanggungjawab terhadap kejatuhan nilai mata wang.

Menteri-menteri Luar itu menyatakan demikian kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pertemuan mereka di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

"Kalau benar bukti itu ada, maka sesuatu tindakan tentu sekali perlu diambil dalam hal ini," kata Abdullah pada persidangan berita kepada wartawan Malaysia selepas mesyuarat Menteri-menteri Asean dengan rakan dialog.

Antara Menteri Luar yang mengunjungi Perdana Menteri ialah Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright, Menteri Luar China Qian Qichen dan Menteri Luar Australia Alexander Downer. Mereka sedang menyertai persidangan selepas mesyuarat menteri luar Asean kali ke-30 di sini.

Dr Mahathir dua hari lepas mengesahkan bahawa hartawan Amerika Syarikat George Soros bertanggungjawab menyebabkan kejatuhan nilai mata wang beberapa negara Asean.

Dr Mahathir memberitahu pemberita di sini hari ini bahawa kerajaan akan mengambil tindakan terhadap "penyangak" spekulator mata wang.

Abdullah berkata beberapa Menteri Luar berkenaan memberitahu Dr Mahathir bahawa sukar bagi mereka untuk mempercayai bahawa satu orang (Soros) boleh menyebabkan kejatuhan nilai mata wang.

"Mereka berkata bahawa nilai mata wang itu bergantung kepada faktor pasaran. Bagaimanapun mereka berkata kalau terbukti benar (bahawa Soros yang terbabit), maka tindakan perlu diambil," kata Abdullah.

Mengenai bukti, Abdullah berkata: "Mungkin apa yang ada pada Perdana Menteri kita itu sudahpun (adalah) bukti."

Abdullah berkata Dr Mahathir dijangka akan membangkitkan isu itu pada persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada, lewat tahun ini.

Mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) pula, Abdullah berkata pemimpin negara-negara bakal anggota iaitu China, Jepun dan Korea Selatan berhasrat menghadiri mesyuarat informal antara mereka dan pemimpin negara-negara Asean di sini akhir tahun ini.

Pertemuan itu, kata Abdullah, akan diadakan semasa mesyuarat tidak rasmi Ketua-ketua Negara Asean Disember ini.

Mengenai persidangan selepas mesyuarat menteri luar Asean kali ke-30 yang bermula di sini hari ini, Abdullah berkata antara isu yang dibincangkan ialah Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), Apec, Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), pembangunan Lembah Mekong, Asia Barat, Bosnia, keganasan, dadah dan alam sekitar.

Mengenai pembangunan Lembah Mekong, beliau berkata beberapa negara menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam projek itu.

"Dalam persidangan ini, kita membincangkan rancangan-rancangan yang praktikal yang boleh dilaksanakan," kata beliau.

Menteri Luar Indonesia Ali Alatas berkata serangan terhadap mata wang merupakan satu fenomena kerana ekonomi kukuh diserbu sehingga menimbulkan persoalan sama ada kuasa lain, selain asas-asas ekonomi, turut terbabit.

Katanya boleh difahami jika mata wang sebuah ekonomi yang sedang menghadapi masalah disiasat untuk mencari kelemahannya.

"Fenomena yang kita lihat sekarang ialah serangan terhadap ekonomi-ekonomi yang kukuh ... ekonomi yang tidak menghadapi sebarang masalah. Ekonomi yang berekonomi makro kukuh.

"Jadi persoalan yang timbul ialah sama ada hanya perkara berkaitan ekonomi terbabit ataupun jika ada kuasa lain yang turut terbabit. Adakah ianya politik ataupun ekonomi?" tanya beliau. -- BERNAMA

TCL RM AHH